



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN BANTU PELAJAR IPT MELALUI PROGRAM BANTUAN PENGAJIAN KPT-PTPTN PRIHATIN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin mengenai kebajikan para pelajar khususnya peminjam PTPTN dengan menyediakan pelbagai inisiatif untuk manfaat pelajar. Justeru, program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin diadakan untuk menyalurkan bantuan sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan meringankan beban kewangan pelajar.
2. Melalui program ini, PTPTN telah memperuntukkan sebanyak RM123,000.00 kepada 246 pelajar IPT seluruh negara yang merupakan peminjam PTPTN daripada golongan yang kurang berkemampuan. Setiap pelajar yang layak akan menerima bantuan sebanyak RM500.00 secara *one off* dan akan disalurkan ke dalam akaun bank pelajar. Bagi memastikan pelaksanaan program ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan, PTPTN telah mengadakan kerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dan IPT terlibat.
3. Penyampaian Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin telah diadakan bermula 8 Oktober 2022 lalu bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Dato' Haji Abbas dan seterusnya akan ke kawasan-kawasan yang lain. Penyampaian bantuan telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Apli bin Yusoff, Pengerusi PTPTN. Turut hadir Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN dan Puan Azizah Nasik@Abd Rashid, Pengurus Besar Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Terengganu.

4. Pengerusi PTPTN, Dr. Apli berkata, “Dalam usaha meningkatkan akses pendidikan kepada masyarakat tanpa mengira kaum dan latar belakang, PTPTN telah mengadakan pelbagai program berimpak tinggi bagi membolehkan masyarakat terus mendapat bantuan sewajarnya. Saya berharap sumbangan ini dapat membantu mengurangkan beban kewangan pelajar di IPT. Jadikan bantuan ini sebagai pendorong atau motivasi untuk berusaha bersungguh-sungguh dan fokus kepada pembelajaran bagi mencapai keputusan yang cemerlang sekali gus mendapat pekerjaan yang baik serta mampu mengubah nasib keluarga untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa.”

5. PTPTN yang ditubuhkan pada tahun 1997 telah diamanahkan untuk menyediakan pinjaman pendidikan kepada warganegara Malaysia yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT tempatan sama ada awam atau swasta yang diiktiraf oleh kerajaan. Tahun 2022 merupakan sambutan Jubli Perak 25 tahun PTPTN dan selama tempoh ini PTPTN telah melahirkan ramai modal insan kepada negara. Peranan, jasa dan sumbangan PTPTN kepada masyarakat Malaysia ternyata telah merealisasikan matlamat melahirkan generasi berpendidikan. Semoga dengan inisiatif Program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin ini akan memberikan impak positif dan manfaat kepada para pelajar seterusnya membina lebih ramai graduan cemerlang.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
29 Oktober 2022